



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELEPASAN DUTI SETEM DI BAWAH SEKSYEN 15, AKTA SETEM 1949

1. TUJUAN

Arahan ini menerangkan prosedur pemprosesan permohonan bagi pelepasan duti setem di bawah Seksyen 15, Akta Setem 1949.

2. PERUNDANGAN

- 2.1 Seksyen 15 mengecualikan surat cara-surat cara yang disempurnakan berkaitan dengan skim penyusunan semula atau penggabungan syarikat yang ditubuhkan di dalam Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 atau Akta Syarikat 2016.
- 2.2 Secara umumnya, ia merupakan transaksi pindah milik harta seperti hartanah, syer atau perniagaan yang dilaksanakan menggunakan borang pindah milik [Borang KTN 14A, Memorandum Pindah Milik (di Sabah dan Sarawak) dan Borang Seksyen 105, Akta Syarikat 2016] atau surat cara perjanjian jual beli perniagaan.

- 2.3 Syarikat layak mendapat pelepasan jika syarikat menambah modalnya untuk tujuan:
- 2.3.1 memperolehi suatu akujanji mana-mana syarikat sedia ada; atau
 - 2.3.2 memperolehi tidak kurang daripada 90% modal syer diterbitkan bagi mana-mana syarikat sedia ada.
- 2.4 Syer dalam syarikat penerima pindah milik hendaklah didaftarkan di atas nama pemegang syer dan bukan atas nama nomini.
- 2.5 Balasan untuk pemerolehan ini juga hendaklah tidak kurang daripada 90% dalam keadaan berikut:
- 2.5.1 Jika di dalam kes akujanji, balasan ialah terbitan syer dalam syarikat penerima pindah milik kepada syarikat sedia ada atau kepada pemegang-pemegang syernya;
 - 2.5.2 Jika dalam kes pemerolehan dalam bentuk syer, balasan ialah terbitan syer dalam syarikat penerima pindah milik kepada pemegang syer dalam syarikat yang sedia ada sebagai pertukaran syer yang dipegang oleh mereka.
- 2.6 Pengecualian tidak diberikan secara automatik. Oleh itu, permohonan untuk pengecualian hendaklah dikemukakan kepada Pemungut Duti Setem.
- 2.7 Bagi kes pindah milik kepada syarikat, surat cara yang dikemukakan untuk mendapat pelepasan hendaklah disempurnakan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh-tarikh berikut:
- 2.7.1 tarikh pendaftaran syarikat penerima pindah milik; atau

2.7.2 tarikh resolusi untuk menambah modal syer diterbitkan syarikat penerima pindah milik; atau

2.7.3 tarikh perjanjian yang telah difailkan dengan Pendaftar Syarikat.

3. SYARAT-SYARAT UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN

3.1. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada mana-mana Pejabat Pengarah Negeri (PPN), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) secara atas talian, melalui sistem STAMPS, diikuti dengan pengemukaan dokumen-dokumen sokongan secara serahan tangan.

3.2. Balasan bagi pemerolehan, melainkan bahagian yang menjadi sebahagian pindahmilik atau pelepasan oleh syarikat penerima bagi tanggungan-tanggungan syarikat sedia ada, adalah terdiri daripada tidak kurang sembilan puluh peratus (90%) –

3.2.1 pengeluaran syer syarikat penerima kepada syarikat sedia ada atau pemegang syer syarikat sedia ada, bagi kes pemerolehan perniagaan atau akujanji selain berbentuk perniagaan; atau

3.2.2 pengeluaran syer syarikat penerima kepada pemegang syarikat sedia ada bagi kes pemerolehan syer.

3.3. Satu Akuan Berkanun dalam format yang telah ditetapkan hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan permohonan di bawah peruntukan ini. Sila rujuk Lampiran 1.

3.4. Kelulusan permohonan pelepasan akan dimaklumkan secara bertulis dan pemohon akan diminta hadir ke PPN yang berkenaan

bagi mendapatkan Sijil Pengecualian duti setem di bawah peruntukan ini.

- 3.5. Permohonan pelepasan yang ditolak akan dimaklumkan secara bertulis dan akan dikemukakan ke Pejabat Setem Cawangan (PSC) atau Pusat Khidmat Hasil (PKH), LHDNM yang berkenaan bagi memastikan penyeteman suratcara dibuat dengan sewajarnya.

4. DOKUMEN –DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN

- 4.1. Surat cara pindah milik asal;
- 4.2. Akuan Berkanun yang diakui oleh seorang peguamcara dan peguambela di Mahkamah Tinggi (rujuk format Akuan Berkanun pada Lampiran 1);
- 4.3. Salinan dokumen sokongan yang disahkan oleh Timbalan Pemungut Duti Setem (TPDS) di PPN seperti berikut:
 - 4.3.1. Perlembagaan Syarikat (*Constitution of a Company*), Penyata Tahunan (*Annual Return*) bagi syarikat penerima pindah milik sebelum berlakunya transaksi ini;
 - 4.3.2. Perjanjian Jual Beli atau Perjanjian Penggabungan atau dokumen yang membuktikan skim penyusunan semula atau penggabungan syarikat;
 - 4.3.3. Surat Tawaran dan Resolusi-Resolusi Ahli Lembaga Pengarah syarikat penerima pindah milik yang meluluskan transaksi berkenaan;

4.3.4. Surat-surat kelulusan daripada badan kawal selia Kerajaan seperti Jawatankuasa Pelaburan Asing (F.I.C), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (M.I.T.I), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Bank Negara Malaysia (BNM) dan lain-lain yang ada berkaitan; dan

4.3.5. *Return of Allotment of Shares* syarikat penerima pindah milik sebagai bukti untuk pembahagian syer balasan; dan

4.3.6. Lain-lain dokumen yang berkaitan.

5. PENARIKAN BALIK KELULUSAN PELEPASAN DUTI SETEM

5.1. Surat cara ini boleh dikenakan duti di bawah Butiran 32(a) atau 32(b) Jadual Pertama, Akta Setem 1949 jika syarat-syarat yang ditetapkan tidak dipatuhi dengan sepenuhnya.

5.2. Dalam tempoh tiga (3) tahun, syarikat sedia ada yang telah menerima syer balasan daripada syarikat penerima pindah milik tidak dibenarkan melupuskan syer berkenaan kecuali dalam keadaan berikut:

5.2.1 Pelupusan syer balasan kerana penyusunan semula atau penggabungan syarikat (sedia ada);

5.2.2 Pembubaran syarikat (sedia ada); atau

5.2.3 Untuk mematuhi dasar kerajaan.

5.3. Dalam tempoh tiga (3) tahun, syarikat penerima pindah milik tidak dibenarkan melupuskan syer dalam syarikat sedia ada yang diambil alih olehnya kecuali dalam keadaan berikut:

5.3.1 penyusunan semula atau penggabungan syarikat (penerima pindah milik); atau

5.3.2 pembubaran syarikat (penerima pindah milik).

5.4. Jika keadaan berikut berlaku, pelepasan yang diberi boleh ditarik balik dan notis bayaran hendaklah dikeluarkan serta merta kepada syarikat penerima sebagai hutang kepada kerajaan:

5.4.1 Surat akuan dan keterangan yang menyokong pelepasan didapati tidak benar;

5.4.2 Dalam tempoh tiga (3) tahun, syarikat penerima atau syarikat sedia ada (termasuk pemegang syer) terhenti menjadi pemilik benefisial syer yang dikeluarkan;

5.4.3 Apabila berlaku pertindihan pemberian pelepasan bagi pengambilan syer dalam syarikat lain oleh syarikat penerima dalam tempoh tiga (3) tahun yang menyebabkan ia terhenti menjadi pemilik benefisial syer yang diambilnya akibat transaksi baru tersebut.

5.5 Dengan penarikan balik kelulusan di bawah peruntukan ini, duti setem yang telah dilepaskan adalah dikenakan bersama-sama dengan faedah sebanyak enam peratus (6%) setahun mulai daripada tarikh surat cara pindah milik yang berkenaan perlu disetamkan dengan sewajarnya.

6. TANGGUNGJAWAB SYARIKAT PENERIMA

Syarikat penerima yang terlibat dengan pindah milik hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada PPN yang telah mengeluarkan kelulusan di bawah peruntukan ini sekiranya mana-mana keadaan yang dinyatakan di bawah Subseksyen 15(5), Akta Setem 1949 berlaku, dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh berlakunya mana-mana keadaan tersebut.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**STATUTORY DECLARATION IN CONNECTION WITH APPLICATION FOR RELIEF OF
STAMP DUTY UNDER SECTION 15 OF THE STAMP ACT 1949**

Statutory Declaration in Connection with Application under Section 15, Stamp Act 1949 for relief from stamp duty in case of reconstructions or amalgamations of companies.

..... Bhd./Ltd. (existing company)

..... Bhd. (transferee)

I NRIC No.of full age and
residing at an
Advocate and Solicitor of the High Court of Malaya and a [partner] [legal assistant]¹ in the
firm of (name)
and (address)

DO SOLEMNLY AND SINCERELY DECLARE as follows :-

1. I have been engaged in connection with the transaction referred to below and am fully acquainted therewith.
2.(hereinafter referred to as “the existing company”) was incorporated in² with limited liability on³ under the⁴; and has an issued share capital of divided into shares of each, all of which have been fully paid up;
3. [hereinafter referred to as “the transferee company”) was incorporated in Malaysia with limited liability on³ under the [Companies Act]⁴ [with] [and]¹ immediately prior to the General Meeting referred to in paragraph 6 below had an issued share capital of RM divided into shares of each [all of which] [of which]¹ had been fully paid up.
4. It is provided by the Statement of Incorporation⁵ of the transferee company that one of the objects for which it was incorporated was to acquire [the undertaking] [not less than ninety per cent of the issued share capital]¹ of the existing company.

5. By an agreement (hereinafter called "the Agreement") dated a copy of which is now produced to me marked "A", [existing company] [the Vendor therein named]¹ agreed to sell and the transferee company agreed to purchase in connection with a scheme of [reconstruction] [amalgamation]¹

[the whole] [the part described in the agreement]¹ of the undertaking of the existing company;

OR

[the whole] [..... shares ofeach, being not less than ninety per cent in nominal value of the whole]⁶ of the issued share capital of the existing company,

the consideration for such sale to be the issue of (.....) to the [existing company] [holders of shares in existing company]¹ of RM shares in the transferee company credited as fully paid up [and RMin cash];

OR

5. (i). By letter of offer (hereinafter called "the Offer") dated [issued by on its behalf], a copy of which is now produced to me marked "A" the transferee company offered to acquire the whole of the issued share capital of the existing company of the following terms :

For each shares of the existing company share[s] of each in the transferee company credited as fully paid up [and RM in cash].

(ii). The said offer has been accepted in respect of out of theshares in the existing company (not less than ninety per cent, in nominal value of the whole of the issued share capital of the existing company) and become unconditional on the passing of the resolution referred to in paragraph 6 below.

6. By a [further resolution] [resolution]¹ of the Board of Directors of the transferee company passed on, there would be allotted to the [existing company] [holders of shares in the existing company]¹ in pursuance of the [Agreement] [Offer] [pro rate to their original shareholdings]¹ shares of RM each credited as fully paid up and the name[s] of the [existing company] [holders of shares of the existing company]¹ [has] [have]¹ been entered in the register of members of the transferee company in respect of such share.

7. It is the intention of the transferee company to retain the beneficial ownership of all of the said shares in the existing company acquired by it.⁷

8. The consideration for the acquisition [(except such part thereof as consisted in the transfer to or discharge by the transferee company of liabilities of the existing company)] consisted [wholly of the issue of shares] [as to not less than ninety per cent thereof in market value, of the issue of shares]¹ in the transferee company [as shown by the calculations in the Schedule a copy of which is now produced to me marked "B"].
9. Transferee company shall notify the Collector of the circumstances specified under subsection 5 if it occurs, within 30 days from the date of the occurrence.
10. It is submitted that the appropriate conditions of Section 15 of the Stamp Act 1949 (as amended) have been complied with and accordingly exemption from ad valorem stamp duty under the head "Conveyance or Transfer on Sale" is claimed in respect of the transfers executed pursuant hereto.

AND I MAKE THIS SOLEMN DECLARATION conscientiously believing the same to be true and by virtue of the provision of the Statutory Declaration Act 1960.

Subscribed and solemnly declared by the abovenamed)
)
 at)
 in the State of)
 this, 20.....¹⁷⁾

Before me,

Commissioner for Oaths

Notes

- 1 Adopt either as appropriate.
- 2 State the place of incorporation which it was incorporated.
- 3 Date of incorporation/registration.
- 4 Choose the law under which the transferee company was incorporated. "The Companies Act 1965" if incorporated before 1 January 2017, and "The Companies Act 2016" if incorporated by or after 1 January 2017.
- 5 A copy of the Statement of Incorporation should be sent with the application.
- 6 This will include shares of all classes.
- 7 The consideration for shares must be registered in the names of holders of shares in the existing company, notwithstanding that they may be the nominees for the Vendor(s). Also forward copy of Form Section 78 (Return of Allotment of Shares) with the application.